

R GB 17-06 00157 BB520

AAB

RRJP2 - Reaksi

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau yakin majoriti rakyat akan menerima Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), yang menurutnya akan dilaksanakan melalui amalan demokrasi.

Perdana Menteri berkata, keyakinannya itu berdasarkan kepada sokongan sebulat suara wakil-wakil rakyat Barisan Nasional dalam sesi perbincangan yang diadakan mengenai dasar itu, yang menggariskan agenda pembangunan negara untuk tempoh 10 tahun akan datang.

+Setelah perbincangan, pertimbangan dan beberapa pembetulan dibuat, akhirnya semua pemimpin Barisan Nasional bersetuju serta sependapat mengenai dasar ini,+ katanya kepada pemberita selepas membentangkan RRJP2, di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata, +Kita juga sedia maklum bahawa akan ada sahaja orang terutamanya parti pembangkang yang tidak setuju dengan apa yang kita buat, kerana tidak ada negara yang mana sesuatu dasar itu dipersetujui 100 peratus+.

Perdana Menteri berkata, beliau bagaimanapun tidak hairan kalau pembangkang tidak bersetuju dengan dasar itu. -- lagi

♥17/06/19-39MST

R GB 17-06 00157 BB521

AAB

RRJP2 - Reaksi 2 Kuala Lumpur

+Di Malaysia kita beri peluang kepada mereka (pembangkang) untuk mengubal dasar ini melalui penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN), tetapi semasa perbincangan, anggota-anggota pembangkang mahukan kesemua pendapat mereka diterima,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bila pendapat mereka tidak diterima, mereka menarik diri daripada MAPEN, dan tindakan ini membuktikan kejahilan mereka mengenai amalan demokrasi.

Beliau berkata, dalam amalan demokrasi, kumpulan minoriti hendaklah menerima pendapat majoriti kerana kumpulan majoriti berhak ke atas minoriti.

Apabila kumpulan majoriti tidak setuju dengan minoriti, kumpulan minoriti hendaklah menerima keputusan majoriti, tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, mereka menarik diri dengan harapan akan dapat mengecam dasar itu serta kerajaan dengan bebas, dan sekiranya mereka terlibat dengan pengubalan dasar itu, mereka tidak boleh mengecam kerajaan.

+Ini jelas menunjukkan parti pembangkang tidak faham langsung mengenai amalan demokrasi kerana mereka tidak sanggup menerima pendapat mereka ditolak,+ katanya. -- Lagi

♥17/06/19-49MST

R GB 17-06 00160 BB524

AAB

RRJP2 - Reaksi 3 Kuala Lumpur

Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba pula menyifatkan RRJP2 sebagai lebih kemas, jitu dan lengkap daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Beliau berkata, DEB telah dibuat dengan +tergopoh-gapah+ selepas peristiwa 13 Mei 1969, tanpa perbahasan, tetapi kali ini bagi RRJP2, Parlimen akan membahaskannya terlebih dahulu.

Encik Ghafar juga berkata, RRJP2 menekankan kepada kualiti penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi, daripada kuantiti, kerana walaupun mereka membuat keuntungan sedikit tetapi pegangan mereka dalam bidang itu kekal untuk jangka panjang.

Mengenai sesetengah Bumiputera yang mengali-babakan perniagaan mereka, beliau berkata, daripada mengambil tindakan sedemikian, mereka sebaiknya berkongsi perniagaan dengan kaum lain dan mendapatkan pertolongan daripada rakan mereka itu.

Sementara itu, Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, RRJP2 mengambil kira kepentingan semua kaum dan mengajak rakyat memumpu perhatian ke arah pembangunan.

Ia juga memulau ketamahan kepada pembangunan (ia duetu peningkatan teknologi canggih dan pengajihan ekonomi secara adil) -- Lagi.

17/06/20-14MST.

CNS9113

R GB 17-06 00173 BB525

AAB

RRJP2 - Reaksi 4 Kuala Lumpur

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, yang mengangotai Majlis Perundangan Negara (MAPEN) berkata, RRJP2 telah mengambil kira sedikit sebanyak idea yang dikemukakan oleh MAPEN.

Beliau yakin jika usaha dijalankan menepati matlamat RRJP2, pembangunan yang baik dan pesat akan dapat dikecapi.

Menteri Kerja Raya Datuk Leo Moggie, yang juga Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak berkata, RRJP2 menyentuh kedudukan minoriti Bumiputera di Sarawak dan berharap tindakan akan diteruskan untuk memperbaiki kedudukan mereka.

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, RRJP2 ialah untuk menggerakkan pertumbuhan, yang memerlukan kerjasama semua rakyat.

Datuk Seri Dr Lim, yang juga Presiden Gerakan berkata, beliau bersetuju dengan langkah untuk membangunkan infrastruktur bagi membantu Bumiputera, kerana negara boleh mengalih tumpuan kepada perkara lain apabila sasaran untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam ekonomi tercapai.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pula berkata, tumpuan RRJP2 ialah bagi mengekalkan momentum pertumbuhan, dan pertumbuhan berterusan perlu bagi mencapai pembahagian adil di kalangan rakyat. -- Lagi

17/06/20-23MST

CNS9118

R GB 17-06 00141 BB526

AAB

RRJP2 - Reaksi 5 Kuala Lumpur

Timbalan Presiden MCA Datuk Lee Kim Sai berkata, MCA menyokong penuh dasar ini dan berusaha mencapai matlamatnya.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu pula berkata, melalui RRJP2, masyarakat kaum India di negara ini akan mampu memperbaharui dan meningkatkan taraf hidup mereka melalui rancangan-rancangan di bawah Dasar Pembangunan Baru itu.

+Masyarakat India mempunyai keyakinan bahawa kerajaan akan menyediakan peluang yang lebih luas untuk meningkatkan taraf hidup,+ katanya.

Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid, pula menyifatkan RRJP2 sebagai satu dasar pembangunan yang akan mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat di negara ini.

+Ini adalah satu perkara yang begitu ketara, yang tidak begitu jelas dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) dulu. Aspek kerjasama antara kaum dalam projek-projek pembangunan tidak diutamakan (dalam DEB),+ kata Datuk Seri Sanusi. -- lagi

♥17/06/20-28MST

CNS9120

R GB 17-06 00141 BB527

AAB

RRJP2 - Reaksi 6 Kuala Lumpur

Sementara itu, Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang kesal atas tindakan kerajaan membentangi RRJP2 hari ini tanpa memberi masa kepada anggota-anggota Parlimen dan orang ramai mengkajinya.

+Kerajaan sepatutnya membenarkan anggota Parlimen untuk mengkaji terlebih dahulu rumusan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) dan RRJP2 untuk mendapat maklumat balas daripada orang ramai,+ katanya.

Presiden Parti Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah juga tidak menyokong rancangan baru itu sambil berkata bahawa RRJP2 diolah semata-mata untuk rang tertentu terutama ahli perniagaan.

Dengan mengetepikan kuota Bumiputera dalam bidang ekonomi itu membuktikan dengan jelas bahawa RRJP2 tidak banyak membantu memajukan kaum Bumiputera dalam bidang ekonomi, katanya.

Beliau bagaimanapun berkata: +Ini adalah pandangan sekali imbas saya dan saya akan membaca dan mengkaji RRJP2 dan membahaskannya di Dewan Rakyat esok+. -- lagi

♥17/06/20-33MST

R GB 17-06 0015/ BB528

AAB

RRJP2 - Reaksi 7 Kuala Lumpur

Timbalan Presiden Parti Bersatu Sabah Datuk Bernard Dompok pula puas hati dengan rancangan itu dan berkata, telah sampai masanya Kerajaan Pusat memberi tumpuan kepada usaha membantu kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak, yang menurutnya jauh ketinggalan dibandingkan dengan Bumiputera di Semenanjung.

Pada dasarnya RRPJ2 itu adalah baik tetapi beliau bimbang tentang pelaksanaannya terutama di Sabah memandangkan negeri itu kini ditadbirkan oleh pembangkang.

Timbalan Presiden PAS Haji Hadi Awang pula enggan membuat sebarang ulasan semasa ditemui oleh pemberita, dan hanya berkata: +Saya akan membahaskannya esok+.

Kalangan ahli perniagaan Bumiputera pula menyambut baik dasar RRJP2 tidak menetapkan tempoh pencapaian 30 peratus ekuiti Bumiputera dalam ekonomi negara.

Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPPMM) cawangan Wilayah Persekutuan Encik Mohamed Izat Emir berkata, peratusan itu tidak penting tetapi kaum Bumiputera hendaklah berupaya merebut peluang yang dibuka oleh kerajaan untuk menjadi pengusaha. -- lagi

♥17/06/20-47MST

R GB 17-06 00116 BB529

AAB

RRJP2 - Reaksi 8 Kuala Lumpur

+Apa yang penting ialah kaum Bumiputera hendaklah menunjukkan penyertaan sepenuhnya dalam aktiviti ekonomi,+ katanya.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pula berkata, RRJP2 diatur dengan baik. Beliau berkata, tetapi sebuah badan khas perlu ditubuhkan untuk mengawasi supaya pelaksanaannya berjalan dengan berkesan.

Presiden MTUC Encik Zainal Rampak berkata, penubuhan badan seumpama itu penting kerana +Kita tidak boleh membiarkan kesilapan dalam DEB berulang+.

Persekutuan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) turut menyokong RRJP2 dan berharap rakyat menyokongnya bagi memastikan wawasan 2020 kerajaan menjadi kenyataan.

Presiden FOMCA Encik Hamdan Adnan berkata, daripada segi pembangunan, kerajaan harus memberikan penekanan berterusan dalam perlindungan alam sekitar. -- Bernama

♥17/06/20-54MST